



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA
PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA

Blok C1 - C3, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-88853001
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA.BK(S)134/9/27-1 (12)
Tarikh : 8 Ogos 2018

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PERSEDIAAN PENGISIAN KEKOSONGAN JAWATAN PENOLONG PEGAWAI TADBIR (PPT) GRED N40 PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN DI JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH DAN PULAU PINANG, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Dengan segala hormatnya saya diarah untuk merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang dalam proses **persediaan pengisian kekosongan jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N40 di bawah Jabatan Pendidikan Negeri Kedah dan Pulau Pinang** dan dengan ini memohon pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk mengemukakan maklumat PPT Gred N36 yang layak dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:

- 2.1 Telah dinaikkan pangkat sebagai PPT Gred N36 **pada 31 Disember 2013 dan sebelum;**
- 2.2 **Tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh kenaikan pangkat ke Gred N36 berubah ke tarikh 1 Januari 2014 dan seterusnya;**
- 2.3 Markah wajaran LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2015, 2016 dan 2017) **tidak kurang 80%;**
- 2.4 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 2.5 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 2.6 Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;
- 2.7 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan;
- 2.8 **Tidak bersara wajib** atau **memilih bersara pilihan** dalam tempoh 5 tahun daripada tarikh iklan dikeluarkan; dan
- 2.9 **Diperakukan oleh Ketua Jabatan.**

.../2



3. Semua permohonan hendaklah dibuat dengan mengguna pakai **Lampiran A, Lampiran B dan Lampiran C** seperti disertakan dan hanya calon yang **bersedia untuk penempatan yang dinyatakan sahaja boleh memohon** kerana **urusan pemangkuan ini hanya bagi tujuan penempatan di lokasi** seperti berikut:

BIL.	LOKASI AGENSI
1.	Jabatan Pendidikan Negeri Kedah Kementerian Pendidikan Malaysia
2.	Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang Kementerian Pendidikan Malaysia

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan adalah dimohon untuk mengemukakan **dokumen yang lengkap** bagi setiap pegawai dari Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan ke Bahagian Perkhidmatan **sebelum atau pada 30 Ogos 2018** di alamat:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Perkhidmatan
Aras 1, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p.: **Encik Mohd Zulkefley bin Mohd Sabri**)

5. Dimaklumkan bahawa adalah menjadi **tanggungjawab** Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk **memastikan hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat** seperti di **Perenggan 2 sahaja** dikemukakan ke JPA. BPSM juga perlu **menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini (buku rekod perkhidmatan tidak perlu disertakan)**. Sebarang **kesilapan fakta yang telah disahkan oleh BPSM boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan**. Permohonan yang **tidak lengkap** atau **lewat diterima tidak akan diproses**.

6. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:-


- i. Puan Yusleli binti Hj. Mohd Yunos - 03-8885 4351
yusleli.yunos@jpa.gov.my
- ii. Encik Mohammad Hilmi bin Abdullah Zawawi - 03-8885 4155
hilmi.zawawi@jpa.gov.my

7. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(MOHD ZULKEFLEY BIN MOHD SABRI)

Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama

Bahagian Perkhidmatan

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

MALAYSIA

☎ : 03-8885 4110

✉ : zulkefley.sabri@jpa.gov.my